

**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 4 TAHUN 2003

PINDAAN HARI REHAT SABTU

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan bagi meminda Hari Rehat Sabtu Minggu Pertama pada bulan Disember 2003.


PELAKSANAAN

2. Kerajaan telah memutuskan supaya Hari Rehat Sabtu Minggu Pertama pada 6 Disember 2003 dipinda kepada tarikh yang lebih awal iaitu pada 29 November 2003.
3. Hari Rehat Sabtu yang diawalkan tarikhnya ini tidak akan mengubah Waktu Bekerja kerana masa yang telah digunakan untuk membawa ke hadapan Hari Rehat Sabtu pada 29 November 2003 telah diganti semula dengan bekerja pada Hari Rehat Sabtu Minggu Pertama 6 Disember 2003.

PEMAKAIAN

4. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

17 November 2003

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan